

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

YKT 212 - Komunikasi dan Budaya

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan LIMA soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Pilih empat (4) daripada konsep berikut dan berikan takrifan serta contohnya:

- (a) hegemoni
- (b) imperialisme budaya
- (c) stail (dalam budaya kecil)
- (d) budaya melawan
- (e) *gender*

(100 markah)

2. Teknologi komunikasi membesarkan lagi jurang antara golongan kaya dan golongan miskin di peringkat nasional khususnya dan peringkat antarabangsa amnya. Nilaikan dakwaan ini dengan memberi contoh tertentu.

(100 markah)

...2/-

3. ... museums have been slow to take up issues such as racism, class bias, and sex discrimination, either as employing institutions, or as a medium which propagates a particular and pervasive brand of history. (Gaby Porter, 1988: 104)

Terjemahan:

"... muzium lambat menangani isu seperti perkauman, kecenderungan kelas sosial, dan diskriminasi seks, sama ada sebagai institusi yang menyediakan pekerjaan, ataupun sebagai satu saluran yang menyebarkan sejenis sejarah tertentu yang senang merebak." (Gaby Porter, 1988: 104)

Bincangkan hujah Gaby Porter di atas dengan memberi contoh tertentu.

(100 markah)

4. Muzik rap lahir di tengah-tengah masyarakat kulit hitam yang rata-rata penuh dengan kepincangan dan kemelaratan hidup. Sejauh manakah muzik rap, yang pernah digelar sebagai "CNN orang kulit hitam" (Clarence Lusane, 1993:48), dapat memperjuangkan kepentingan komuniti kulit hitam di Amerika Syarikat?

(100 markah)

5. Komik pada keseluruhannya bertujuan menghibur para pembaca dan membolehkan penerbit komik meraih keuntungan sebanyak mungkin. Bincangkan dakwaan ini dengan memberi contoh.

(100 markah)

-ooOoo-